

23/02/2003

Apabila Melayu tidak iktiraf keupayaan sendiri

Syed Akbar Ali

PADA waktu ini acara sukan America's Cup sedang berlangsung di New Zealand. America's Cup adalah perlumbaan kapal layar yang unggul di dunia. Acara sukan ini sungguh berprestij bukan saja kerana hadiah wang lumayan tetapi ia memperkenalkan teknologi terkini dalam pembuatan kapal layar. Tiap kali perlumbaan ini diadakan, pasukan pelaut dari seluruh dunia memperkenalkan rekabentuk kapal dan teknologi layar kapal yang terkini dan sebagainya.

Perkara yang menarik kali ini ialah sebuah syarikat pembina bot dari Melaka telah menyumbangkan kemahirannya kepada salah satu pasukan itu. Perkara ini diumumkan saluran televisyen CNN. Ini satu kejayaan besar bagi negara kita tetapi kita sendiri tidak mengetahuinya. Dan oleh kerana masyarakat kita belum lagi menjadi masyarakat yang suka membaca atau yang mengambil minat dalam hal dunia, ramai tidak tahu apa itu America's Cup atau relevannya kepada sesiapa pun.

Kita patut sanjung syarikat pembina bot di Melaka itu yang telah bertekun mengambil tahu tentang perlumbaan America's Cup sehingga dapat menyertainya sebagai pembuat bot. Sudah tentu ia meningkatkan keupayaan kita dalam bidang pembinaan bot layar dan juga meningkatkan peluang pekerjaan dalam ekonomi negara.

Walaupun ramai orang Malaysia yang telah mencapai kejayaan mengagumkan dalam berbagai-bagai bidang, kita tidak selalu mengiktirafnya ataupun mengenalinya. Tanpa mengenali dan memberi sanjungan kepada kebolehan kita sendiri, kita akan selalu terasa kerdil apabila berhadapan dengan orang lain.

Setiap hari apabila anak-anak kita menonton televisyen mereka melihat bagaimana orang kulit putih bergelut dengan buaya, menjejak ke tepi gunung berapi atau membina kenderaan bermotor yang terbaru. Orang asing dijadikan hero tetapi orang kita sendiri yang juga mencapai kejayaan diketepikan. Akhirnya generasi muda kita akan terus kagum dengan orang Barat daripada saudara mereka sendiri.

Inilah psikologi yang sedang dimajukan dengan begitu gigih dan lantang oleh Perdana Menteri kita Dr Mahathir Mohammad dengan laungan "Malaysia Boleh". Orang yang tidak faham maksud Dr Mahathir melihat pelayaran mengelilingi dunia oleh Datuk Azhar Mansor sebagai membazir. Pelayaran Datuk Azhar adalah satu pencapaian besar bagi seorang individu yang sebenarnya menyambung warisan orang Melayu sebagai pelaut yang tiada tanding dalam dunia.

Mengikut kamus 'perahu' difaham sebagai sebuah bot kecil orang Melayu. Tetapi pada waktu orang kulit putih mula menjajah ke rantau ini mereka geruni perahu Melayu sebagai kapal laut yang boleh mengatasi kapal mereka. Perahu Melayu pada waktu itu adalah kapal layar lautan dalam yang telah membawa pelaut Melayu menjelajah Laut Cina, Lautan Hindi dan Lautan Pasifik.

Untuk menghalang bangsa Melayu daripada mengenali warisan tradisi mereka dulu penjajah kulit putih bukan saja melarang pembinaan perahu layar tetapi mereka menukar definisi perahu menjadi bot kecil.

Oleh itu masyarakat muda dan tua tidak dapat memahami pencapaian Datuk Azhar Mansor sebab kita tidak kenali warisan kita sendiri. Kita juga tidak memberi maklumat dan penerangan yang menyeluruh tentang Datuk Azhar.

Kita tidak mendengar suara Datuk Azhar menceritakan semua rintangan dan halangan yang terpaksa beliau atasi daripada membuat persediaan

keuangan yang begitu banyak sehingga kisah pelayaran itu secara terperinci.

Kita tidak pandai "memukul canang" untuk memberi penerangan yang cukup tentang pencapaian ini kepada rakyat kita sendiri.

Tidak mustahil jika pada suatu hari nanti media asing seperti Televisyen National Geographic pula akan menyiarkan kisah pelayaran Datuk Azhar kepada penonton di negeri lain.

Begitu juga kita telah membina bangunan pencakar langit yang tertinggi di dunia iaitu Menara Kembar Kuala Lumpur City Centre atau KLCC. Tetapi malangnya paling sedikit maklumat yang diberi kepada rakyat kita terutama sekali anak-anak muda kita tentang pembinaan bangunan tertinggi di dunia atau 'ciri-ciri' utama dari segi kejuruteraan dan rekabentuk arkitek bangunan itu. Sebaliknya penulis rasa terharu menonton gambaran terperinci mengenai pembinaan Menara Kembar KLCC itu dalam stesen televisyen asing yang disiarkan menerusi Astro. Rupanya orang asing lebih mengenali Menara Kembar KLCC daripada rakyat kita sendiri.

Jika kita tidak mengiktiraf kebolehan kita sendiri ia akan mengekalkan psikologi kurang yakin dalam diri sendiri (low self esteem) yang masih membelenggui fikiran kita. Apabila kita kurang yakin dengan kebolehan kita, ia akan mengakibatkan kerugian kepada negara kita juga.

Sebagai contohnya oleh kerana kita kurang yakin dengan pakar perunding tempatan, pakar perunding Barat mengambil peluang untuk mengaut keuntungan yang berlebihan.

Daripada pengalaman peribadi penulis sendiri, pakar perunding kejuruteraan asing yang mendapat kontrak perundingan sebenarnya tiba di sini dengan membawa "briefcase" sahaja. Mereka tidak perlu membawa kakitangan mahir atau peralatan tertentu. Dengan sedikit modal dan wang pendahuluan mereka menyewa pejabat dan mengambil pakar tempatan yang serba berkebolehan untuk membuat semua kerja.

Misalnya sebuah syarikat pakar kejuruteraan asing di Kuala Lumpur yang menghasilkan "high pressure steam boiler" bukan saja menyiapkan semua aspek rekacipta dan perancangan projek di Kuala Lumpur menggunakan jurutera tempatan tetapi mereka juga memberi kontrak kepada kilang tempatan untuk menyiapkan "steam boiler" itu. Sumbangan mereka sendiri hanyalah nama mereka sebagai pakar asing.

Dan hasil kerja perunding asing bukan selalunya memuaskan. Penulis pernah melihat perunding kewangan asing sering membuat kesilapan dalam tugas mereka yang melambatkan projek dan mengelirukan keadaan. Kita tidak dapat menafikan bahawa sebagai pakar mereka mempunyai kemahiran tertentu, tetapi "kekuatan" besar pakar asing ialah mereka berani bercakap besar. Mereka mengeksploitasi 'low self esteem' atau perasaan kurang yakin yang berleluasa dalam negara kita.

Sebaliknya ramai perunding Barat yang mencari kerja dan peluang niaga di rantau kita telah gagal dalam kerjaya di negara mereka sendiri. Tetapi mereka merasa sungguh seronok kerana apabila tiba di sini mereka diberi penghormatan yang berlebihan.

Orang Malaysia sendiri tidak boleh berjumpa dengan Menteri Kabinet atau pengurus besar syarikat tetapi "pakar-pakar Barat" boleh mendapat temu janji dengan Menteri dan pengurus besar syarikat dengan satu panggilan telefon sahaja.

Mereka berjaya kerana dari kecil lagi kita membenarkan propaganda Barat memukau kita bahawa mereka adalah superman. Misalnya sejak beberapa abad buku sejarah mengajar kita bagaimana "pengembara besar" Marco Polo dari Itali telah "menjumpai" negeri Cina pada abad ke tiga belas. Tetapi sekarang seorang penulis Inggeris bernama Frances Wood menuduh Marco Polo menipu orang Barat dengan kisah perjalanan ke negeri Cina.

Mengikut Frances, Marco Polo langsung tidak tahu tentang Tembok Besar

Cina. Marco Polo juga menceritakan bagaimana beliau telah membantu Kublai Khan, Maharaja China dalam suatu pertempuran pada hal peperangan itu berlaku sebelum tarikh Marco Polo kononnya tiba di Cina. Tetapi selama ini kita kagumi "pencapaian ajaib" Marco termasuk peranan beliau sebagai penasihat kepada Maharaja Cina !!

Tetapi malangnya psikologi kita masih hendak percaya dengan kisah Marco Polo. Pada tahun 90-an, sebuah badan kerajaan banyak meminjam wang Dolar Amerika daripada bank asing untuk membiayai projek. Mereka enggan berurusan dengan bank tempatan atas alasan bahawa bank tempatan tidak tahu cara membiayai projek besar dalam bidang perusahaan mereka dan tidak tahu urusan Dolar Amerika. Tetapi apabila sektor perindustrian mereka diswastakan oleh kerajaan, hampir semua projek yang diswastakan telah membuat pinjaman daripada bank tempatan sahaja dan dengan meminjam wang Ringgit Malaysia sahaja.

Yang amat mengagumkan semua pemerhati ialah bank tempatan dapat menandatangani perjanjian pinjaman berbilion Ringgit untuk projek-projek berkenaan dalam tempoh kurang daripada enam bulan sahaja. Kemudian apabila negara kita dilanda krisis mata wang pada 1997-98 dan nilai Ringgit jatuh berbanding Dolar Amerika, badan kerajaan itu mengalami kerugian beratus juta ringgit kerana terpaksa membayar hutang dalam Dolar Amerika.

Golongan agama juga selalunya kurang yakin dengan pencapaian bangsa mereka sendiri. Oleh kerana tiada modal lain, mereka lebih suka melaungkan kisah padang pasir dan kabilah Arab yang tidak ada kena mengena dengan kehidupan kita. Untuk menyara hidup, mereka menjemput orang belanjakan beribu ringgit menyertai rombongan ziarah melihat 'mega projek' dan kubur zaman silam di Bokhara, Baghdad, Cordoba dan Cairo tetapi mereka mengutuk pembinaan Putrajaya oleh saudara Islam sendiri sebagai membazir. Mereka pun mengeksploitasi psikologi kurang yakin dengan bangsa sendiri.

Ketabahan orang Barat menegakkan propaganda mereka itu adalah jaguh dunia dalam semua bidang membawa untung bagi mereka. Dari kecil lagi propaganda orang Barat mendidik kita bahawa seorang budak kampung dari Barat pun layak duduk semeja dan memberi nasihat kepada raja dan pemimpin orang lain. Malangnya bagi kita propaganda orang Barat ini amat berjaya. Kita masih memberi penghormatan yang berlebihan kepada orang Barat walaupun mereka adalah budak kampung.

Kita perlu mencontohi Singapura yang sangat 'kiasu' dengan sebarang perkara kecil pun yang mereka buat. Mereka lebih pintar 'bercakap besar' untuk menaikkan semangat rakyat mereka. Beberapa tahun dahulu, tajuk utama sebuah akhbar Singapura melaungkan tentang hidupan liar di pulau itu. Penulis tersenyum membaca berita bergambar itu yang menunjukkan katak pisang dan ular daun.

Sebenarnya terlalu ramai pekerja mahir yang menyumbang kepada kemajuan pulau itu bukan rakyat Singapura. Perkara ini sekarang juga menjadi isu politik di mana rakyat Singapura merungut bahawa mereka diberi layanan kelas kedua apabila dibandingkan dengan layanan yang diberi kepada pakar asing (expatriate workers).

Dalam pengalaman penulis sendiri, paling ramai ahli perbankan utama di Singapura sehingga hari ini terdiri daripada rakyat Malaysia. Begitu juga ramai pengurus utama korporat di Singapura adalah rakyat Malaysia. Bilangan warga negara Malaysia yang menduduki jawatan utama dalam ekonomi Singapura sebenarnya adalah satu rahsia yang dikawal rapi oleh Singapura.

Tetapi walaupun demikian propaganda Singapura mampu membangkitkan semangat rakyat Singapura seolah merekalah orang yang paling berkebolehan dalam apa bidang pun. Berbanding dengan Singapura, kita masih belum dapat memupuk semangat "Malaysia Boleh" dalam naluri rakyat Malaysia. Terlalu ramai rakyat Malaysia masih tidak percaya dengan diri mereka dan tidak percaya kebolehan saudara mereka sendiri.

Apabila kita kurang yakin dengan kebolehan rakyat kita sendiri negara kita mengalami kerugian besar.